

12/08/1998

Bekas Gabenor Bank Negara meninggal

PETALING JAYA, Selasa - Bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Jaffar Husein, 67, meninggal dunia di Pusat Perubatan Subang Jaya, dekat sini petang ini.

Anak bongsunya, Roslan, berkata Allahyarham meninggal dunia pada jam 4.30 petang selepas dimasukkan ke hospital itu sejak dua minggu lalu kerana masalah kesihatan.

Jenazah Allahyarham dibawa pulang ke kediamannya di No 27, Jalan Batai, Bukit Damansara petang ini. Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburaan Islam Bukit Kiara jam 11 pagi esok.

Jaffar, yang menjadi Gabenor Bank Negara dari Jun 1985 hingga Mei 1994, meninggalkan isteri, Puan Sri Rohila Abdul Rahman, anak perempuan Rossana, 34; dua anak lelaki, Roshan, 31; dan Roslan, 22; serta tiga cucu.

Anak kelahiran Parit Jawa, Muar, Johor itu memperolehi ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada Universiti Queensland, Australia pada tahun 1958.

Di PULAU PINANG, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merakamkan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Kita berasa sedih kerana kita anggap dia sebagai seorang daripada gabenor bank yang begitu berjaya ketika memimpin bank itu," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tertutup Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang di Menara Umno negeri.

Jaffar memulakan kerjaya awalnya sebagai akauntan bertauliah serta seorang daripada 20 rakan kongsi dan pengurus serantau operasi perakaunan di Price Waterhouse bagi Malaysia, Singapura dan Thailand selama 28 tahun.

Beliau kemudian menyertai Malayan Banking Berhad pada 1981 sebagai pengerusi merangkap ketua eksekutif sebelum dilantik sebagai gabenor keempat Bank Negara pada 1 Jun 1985.

Sepanjang menjawat jawatan itu sehingga bersara pada 1994 beliau juga bertugas sebagai Pengawal Tukaran Asing, Pengarah Urusan Insurans Malaysia selain Pengerusi Jawatan Kuasa Pelaburan Asing, Panel pengambilalihan dan Penggabungan Institut Perbankan Malaysia.

Allahyarham adalah tokoh penting dalam menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti selain mempelopori penggubalan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan serta penubuhan Cagamas Berhad dan Rating Agency Malaysia Berhad.

(END)